BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

**PEN : 06/03/40 (BN)**

**EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1900 pada hari Jumaat, 27 Jun 2003**

# Maklumat Utama Bagi Siaran Akhbar Mei 2003

## Kadar pinjaman yang lebih rendah untuk menyokong aktiviti ekonomi

Bank Negara Malaysia menurunkan Kadar Campurtangan 3-bulan sebanyak 50 mata asas kepada 4.5% pada 21 Mei 2003 bertujuan memperkukuhkan langkah-langkah ekonomi yang diumum oleh Kerajaan bagi menyokong pertumbuhan keseluruhan ekonomi. Berikutan penurunan ini, kesemua kadar pinjaman bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan telah menurun. Sungguhpun begitu, pelarasan dalam kadar deposit adalah lebih kecil daripada penurunan dalam kadar pinjaman.

Walaupun rangsangan berikutan langkah-langkah yang diambil akan mengambil masa yang lebih lama untuk memberi kesan pengembangan yang berterusan ke atas ekonomi, kesan perkembangan positif dalam tempoh terdekat ini telah ditunjukkan oleh peningkatan dalam permintaan untuk mudah tunai dan prestasi di Bursa Saham Kuala Lumpur yang lebih kukuh. Pertumbuhan ketiga-tiga agregat monetari, M1, M2 dan M3 juga meningkat masing-masing kepada 9.3%, 8% dan 7.8% pada akhir bulan Mei (masing-masing pada 6.4%, 6% dan 6.7% pada akhir bulan April). Pertumbuhan dalam agregat monetari disebabkan oleh aktiviti pinjaman bank yang lebih tinggi serta peningkatan dalam operasi Kerajaan dan luar negara.

Pada bulan Mei, jumlah pinjaman terkumpul terus berkembang berikutan pinjaman yang lebih tinggi kepada sektor isi rumah dan perniagaan. Walau bagaimanapun, pengeluaran dan pembayaran semula pinjaman adalah lebih rendah pada bulan ini kerana permintaan untuk dana baru telah terjejas untuk seketika, kesan daripada sindrom pernafasan akut yang teruk (SARS) ke atas aktiviti ekonomi dalam negeri. Namun demikian, pinjaman kepada perusahaan kecil dan sederhana terus meningkat.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

**PEN : 06/03/40 (BN)**

**EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1900 pada hari Jumaat, 27 Jun 2003**

# SIARAN AKHBAR
# PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN
# MEI 2003

## Kadar pinjaman yang lebih rendah untuk menyokong aktiviti ekonomi

Bank Negara Malaysia menurunkan Kadar Campurtangan 3-bulan sebanyak 50 mata asas kepada 4.5% pada 21 Mei 2003 bertujuan memperkukuhkan langkah-langkah ekonomi yang diumum oleh Kerajaan bagi menyokong pertumbuhan keseluruhan ekonomi. Berikutan penurunan ini, kesemua kadar pinjaman bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan telah menurun. Sungguhpun begitu, pelarasan dalam kadar deposit adalah lebih kecil daripada penurunan dalam kadar pinjaman.

Walaupun rangsangan berikutan langkah-langkah yang diambil akan mengambil masa yang lebih lama untuk memberi kesan pengembangan yang berterusan ke atas ekonomi, kesan perkembangan positif dalam tempoh terdekat ini telah ditunjukkan oleh peningkatan dalam permintaan untuk mudah tunai dan prestasi di Bursa Saham Kuala Lumpur yang lebih kukuh. Pertumbuhan ketiga-tiga agregat monetari, M1, M2 dan M3 juga meningkat masing-masing kepada 9.3%, 8% dan 7.8% pada akhir bulan Mei (masing-masing pada 6.4%, 6% dan 6.7% pada akhir bulan April). Pertumbuhan dalam agregat monetari disebabkan oleh aktiviti pinjaman bank yang lebih tinggi serta peningkatan dalam operasi Kerajaan dan luar negara.

Pada bulan Mei, jumlah pinjaman terkumpul terus berkembang berikutan pinjaman yang lebih tinggi kepada sektor isi rumah dan perniagaan. Walau

bagaimanapun, pengeluaran dan pembayaran semula pinjaman adalah lebih rendah pada bulan ini kerana permintaan untuk dana baru telah terjejas untuk seketika, kesan daripada sindrom pernafasan akut yang teruk (SARS) ke atas aktiviti ekonomi dalam negeri. Namun demikian, pinjaman kepada perusahaan kecil dan sederhana terus meningkat.

## *Kadar pinjaman menurun*

Operasi pasaran wang BNM dalam pasaran wang antara bank pada bulan Mei telah dijuruskan kepada menstabilkan keadaan pasaran dan mengimbangi kesan pengembangan operasi Kerajaan dan luar negara ke atas mudah tunai. Dengan itu, kadar faedah antara bank secara relatifnya kekal stabil.




*Pada 21 Mei, BNM telah menurunkan Kadar Campurtangan 3-bulan sebanyak 50 mata asas kepada 4.5%*




*BNM telah menyerap lebihan mudah tunai bagi menstabilkan keadaan pasaran wang*




*Termasuk pelaburan sistem perbankan di dalam sekuriti-sekuriti hutang swasta

*Mudah tunai dalam sistem perbankan stabil. Nisbah pinjaman-deposit, termasuk sekuriti hutang swasta yang dimiliki oleh sistem perbankan kekal tinggi pada 93.2%*

Berikutan penurunan dalam Kadar Campurtangan 3-bulan, **kadar purata berian pinjaman asas (BLR)** bagi bank perdagangan menurun sebanyak 39 mata asas kepada 6% dan syarikat kewangan pula menurun sebanyak 55 mata asas kepada 6.9%. Penurunan ini menyebabkan **kadar purata pinjaman (ALR)** bagi bank perdagangan menurun sebanyak 23 mata asas, manakala ALR bagi syarikat kewangan menurun sebanyak 12 mata asas. Perubahan sepenuhnya tidak berlaku serta-merta akibat adanya pinjaman berkadar tetap di dalam sistem. Penurunan yang lebih kecil bagi ALR syarikat kewangan adalah disebabkan oleh bahagian pinjaman berkadar tetap yang tinggi dalam portfolio pinjaman mereka.

| | akhir-April % | akhir-Mei % |
|---|---|---|
| **Purata Kadar Berian Pinjaman** | | |
| *Bank Perdagangan* | 6.39 | 6.00 |
| *Syarikat Kewangan* | 7.45 | 6.90 |
| **Purata Kadar Pinjaman** | | |
| *Bank Perdagangan* | 6.51 | 6.28 |
| *Syarikat Kewangan* | 9.47 | 9.35 |




*BLR dan ALR bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan menurun*

Pada 15 Jun**,** kadar deposit tetap bagi tempoh matang 1-12 bulan bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan adalah rendah sedikit, dengan masing-masing pada 3.00-3.69% dan 3.01-3.72%. Pelarasan pada kadar deposit tetap untuk bank perdagangan adalah kecil, iaitu sebanyak 20-31 mata asas dan syarikat kewangan pula sebanyak 17-19 mata asas dan adalah lebih kecil daripada perubahan pada Kadar Campurtangan 3-bulan.




*Perubahan pada kadar deposit tetap bank perdagangan adalah kurang daripada perubahan pada Kadar Campurtangan 3-bulan*




*...begitu juga bagi syarikat kewangan*




*Dengan kadar inflasi yang stabil, kadar faedah benar deposit tetap 3-bulan pada bulan Mei menurun sebanyak 20 mata asas*

## *Prestasi Ringgit*

**Pada bulan Mei, ringgit menyusut nilai berbanding mata wang utama**. Selaras dengan pergerakan dolar AS yang lebih lemah di pasaran pertukaran mata wang asing antarabangsa, nilai ringgit menurun berbanding dengan euro sebanyak 6.4%, paun sterling sebanyak 3.4% dan yen Jepun sebanyak 1%. Kebimbangan terhadap kelemahan ekonomi AS menyebabkan pasaran membuat jangkaan bahawa kadar faedah AS akan diturunkan serta pemindahan pegangan asset kepada mata wang yang memberi pulangan yang lebih tinggi. Dolar AS juga dipengaruhi secara negatif oleh tanggapan pasaran bahawa kerajaan AS tidak lagi mengamalkan dasar 'dolar yang kukuh.' Sebaliknya, euro menyambung arah alirannya yang meningkat sehingga mencecah tahap tertingginya dalam tempoh empat tahun pada 29 Mei, melebihi tahap sewaktu euro dilancarkan pada Januari 1999. Mata wang euro disokong oleh pulangan yang lebih tinggi bagi aset-aset yang ternilai dalam euro dan pelarasan portfolio mata wang sedunia.




*Ringgit menyusut nilai berbanding mata wang utama pada bulan Mei*

**Ringgit menyusut nilai berbanding kebanyakan mata wang serantau** dalam lingkungan 0.7% - 4.2%. Ringgit meningkat nilai berbanding peso Filipina sebanyak 1.2%. Selain daripada kelemahan dolar AS, mata wang serantau juga dipengaruhi oleh faktor-faktor yang khusus bagi negara-negara tersebut. Dolar Singapura menjadi kukuh berikutan keredaan kebimbangan pasaran berhubung penularan wabak SARs. Rupiah Indonesia mendapat manfaat daripada asas-asas ekonomi yang semakin kukuh, kenaikan taraf kredit dan permintaan untuk rupiah yang tinggi daripada pengeksport. Peso Filipina menyusut nilai disebabkan oleh kiriman wang yang semakin berkurangan daripada pekerja Filipina di luar negara dan penerbitan data ekonomi yang kurang memberangsangkan.




*Ringgit menyusut nilai berbanding kebanyakan mata wang serantau*

Sepanjang tempoh **1 – 26 Jun 2003**, ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang utama. Ringgit bertukar arah untuk meningkat nilai berbanding euro sebanyak 2.9% sementara terus menyusut nilai berbanding yen Jepun sebanyak 0.2% dan paun sterling sebanyak 1.1%. Dolar AS menjadi semakin kukuh berbanding euro berikutan penerbitan data ekonomi yang memberangsangkan seperti penunjuk prestasi yang lebih baik bagi sektor perkhidmatan AS pada bulan April. Data inflasi bagi bulan Mei yang memberangsangkan juga meredakan tekanan menurun kepada dolar AS dengan mengurangkan jangkaan pasaran bahawa Bank Rizab Persekutuan AS akan menurunkan kadar faedah. Paun sterling terus mendapat manfaat daripada aliran masuk modal ke dalam aset sterling yang berpulangan tinggi. Berlatarbelakangkan perkembangan antara mata wang utama, ringgit menyusut nilai berbanding kebanyakan mata wang serantau dalam lingkungan 0.6% - 1.6%. Ia bertukar arah untuk meningkat sebanyak 0.7% berbanding dolar Singapura dan terus meningkat nilai berbanding peso Filipina sebanyak 0.3%.

**Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih**

| RM kepada satu unit mata wang asing | 2 September 1998 | Akhir-Mei 2003 | 26 Jun 2003 | % Perubahan | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | Mei 2003 | Akhir Mei - 26 Jun 2003 | Akhir-2002 - 26 Jun 2003 | 2 Sep. 1998 - 26 Jun 2003 |
| Dolar AS | 3.8000 | 3.8000 | 3.8000 | 0.0 | 0.0 | 0.0 | 0.0 |
| Euro | - | 4.5117 | 4.3846 | -6.4 | 2.9 | -9.2 | - |
| Paun sterling | 6.3708 | 6.2761 | 6.3490 | -3.4 | -1.1 | -4.0 | 0.3 |
| 100 yen Jepun | 2.7742 | 3.2115 | 3.2177 | -1.0 | -0.2 | -0.5 | -13.8 |
| Dolar Singapura | 2.1998 | 2.1956 | 2.1805 | -2.4 | 0.7 | 0.4 | 0.9 |
| 100 baht Thai | 9.3713 | 9.0996 | 9.1555 | -2.5 | -0.6 | -3.8 | 2.4 |
| 100 peso Filipina | 8.8302 | 7.1382 | 7.1188 | 1.2 | 0.3 | 0.4 | 24.0 |
| 100 rupiah Indonesia | 0.0354 | 0.0457 | 0.0462 | -4.2 | -1.1 | -8.0 | -23.4 |
| 100 won Korea | 0.2827 | 0.3153 | 0.3204 | -0.7 | -1.6 | -0.2 | -11.8 |

## *Inflasi kekal stabil pada bulan Mei*

Kadar **inflasi** tahunan, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Penguna (IHP, 2000=100), **kekal stabil di tahap 1%** pada bulan Mei (April: 1%). Harga makanan adalah lebih tinggi pada bulan tersebut disebabkan oleh kenaikan harga makanan di rumah. Harga bagi pengangkutan dan perhubungan pula mencatatkan kenaikan yang lebih kecil berikutan berakhirnya kesan kenaikan sebanyak 2 sen dalam harga runcit petrol, yang telah dilaksanakan pada 1 Mei 2002.




*Inflasi kekal stabil pada bulan Mei*

## *Harga pengeluar terus meningkat*

**Harga pengeluar**, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengeluar (IHPR), meningkat sebanyak 5.4% pada bulan April (Mac: 9.8%), terutamanya mencerminkan harga yang lebih tinggi bagi minyak sawit mentah dan getah. Tidak termasuk barangan yang berkaitan dengan komoditi, IHPR terlaras meningkat hanya sebanyak 0.3%.




*Harga pengeluar terus meningkat*

## *Pertumbuhan bekalan wang bertambah kukuh*

Pertumbuhan ketiga-tiga agregat monetari, M1, M2 dan M3 meningkat kukuh masing-masing kepada 9.3%, 8% dan 7.8% pada akhir bulan Mei (masing-masing 6.4%, 6% dan 6.7% pada akhir bulan April). Peningkatan dalam M1 disebabkan oleh permintaan mata wang yang tinggi, terutama pada minggu terakhir bulan Mei. Peningkatan dalam permintaan bagi mudah tunai adalah berikutan pengumuman pembayaran bonus oleh Kerajaan dan langkah-langkah lain yang terkandung dalam pakej ekonomi untuk merangsang perbelanjaan. Wang secara luas, M3, juga berkembang sebanyak RM6.1 bilion, disebabkan oleh peningkatan dalam aktiviti pinjaman bank, perbelanjaan Kerajaan yang lebih tinggi serta rizab antarabangsa yang terus meningkat.

**Agregat Monetari: Pertumbuhan Tahunan**




*Peningkatan dalam permintaan urusniaga serta peminjaman bank menyebabkan agregat monetari berkembang*

**Penentu-Penentu M3**

(RM bilion)

| | Perubahan pada tempoh | | | |
|---|---|---|---|---|
| | 2002 | 2003 | | |
| | Mac | Apr | Mei | Jan - Mei |
| **M3** | **2.8** | **2.4** | **6.1** | **21.1** |
| Tuntutan bersih ke atas Kerajaan | 0.5 | 4.0 | 2.5 | 11.3 |
| Tuntutan ke atas sektor swasta | 1.7 | 0.4 | 2.7 | 10.3 |
| Operasi luar bersih [1] | -2.1 | 0.9 | 1.6 | 0.4 |
| Pengaruh lain | 2.6 | -3.0 | -0.7 | -1.0 |

1/ sebelum penilaian semula

*Perkembangan wang secara luas disebabkan oleh peningkatan peminjaman bank serta perkembangan operasi Kerajaan dan luar negara*

## *Deposit sistem perbankan lebih tinggi pada bulan Mei*

Jumlah **deposit** yang dikumpulkan oleh sistem perbankan meningkat sebanyak RM5.4 bilion atau 1% pada bulan Mei. Peningkatan ini mencerminkan deposit yang lebih tinggi oleh perusahaan perniagaan dan individu serta institusi kewangan. Pada asas tahunan, jumlah deposit yang dikumpul oleh sistem perbankan meningkat sebanyak 7% pada akhir-Mei.

**Perubahan Bulanan dalam Deposit** **(RM juta)**

| | 2003 | | |
|---|---|---|---|
| | **Mac** | **Apr.** | **Mei** |
| **Penyimpan** | | | |
| Kerajaan Persekutuan | 335 | -229 | -691 |
| Kerajaan Negeri | -52 | 132 | 295 |
| Badan Berkanun[1/] | 180 | 235 | -307 |
| Institusi Kewangan | 2,659 | -2,615 | 1,662 |
| Perusahaan Perniagaan | 1,276 | 3,083 | 3,761 |
| Individu | -148 | -35 | 653 |
| **Jumlah** | **4,249** | **572** | **5,372** |

[1/] Termasuk Kerajaan Tempatan.

*Deposit yang lebih tinggi oleh perusahaan perniagaan...*

**Perubahan Bulanan dalam Deposit** **(RM juta)**

| | 2003 | | |
|---|---|---|---|
| | **Mac** | **Apr.** | **Mei** |
| **Jenis** | | | |
| Deposit tetap | 4,168 | 960 | 747 |
| NID | 2,004 | -2,177 | -209 |
| Deposit permintaan | -596 | -687 | 557 |
| Deposit tabungan | -801 | 146 | -264 |
| Perjanjian beli balik *(Repo)* | -242 | 926 | 3,179 |
| Deposit mata wang asing | -396 | 295 | 237 |
| Deposit SPI | 208 | 1,041 | 1,055 |
| Lain-lain | -96 | 69 | 70 |
| **Jumlah** | **4,249** | **572** | **5,372** |

*.... terutamanya dalam bentuk repo dan SPI*

## *Pembiayaan sektor swasta lebih tinggi pada bulan Mei*

Jumlah pinjaman yang terkumpul terus meningkat pada bulan Mei sebanyak RM2.2 bilion (+RM1.5 bilion pada bulan April) hasil daripada pinjaman terkumpul sektor isi rumah dan perniagaan yang lebih tinggi. Pada asas tahunan, pinjaman yang terkumpul meningkat sebanyak 2.8% pada akhir bulan Mei (3.3% pada akhir bulan April).

Permintaan untuk dana baru terjejas untuk seketika, kesan daripada wabak SARS ke atas aktiviti perniagaan seperti yang dicerminkan dalam permohonan, kelulusan, pengeluaran pinjaman, masing-masing berjumlah RM16.4 bilion, RM11.2 bilion dan RM31.8 bilion (masing-masing RM18.3 bilion, RM13 bilion dan RM35 billion pada bulan April).

**Permohonan, Kelulusan, Pengeluaran dan Pembayaran Balik**
**Pinjaman (RM bilion)**




*Permintaan untuk dana dipengaruhi untuk sementara waktu oleh kesan SARS ke atas aktiviti perniagaan*

**Permohonan, Kelulusan, Pengeluaran dan Pembayaran Balik**
**Pinjaman yang telah Dinyahmusim (RM bilion)**




*Data yang dinyahmusim menunjukkan permintaaan asas kekal stabil*

**Pengeluaran Pinjaman kepada Sektor Terpilih**




*Sebahagian besar daripada pengeluaran pinjaman terus disalurkan kepada sektor perniagaan*

Aktiviti berian pinjaman kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terus meningkat dengan ketara. Untuk lima bulan pertama tahun 2003, pinjaman berjumlah RM9.8 bilion telah diluluskan kepada 31,787 PKS, sementara RM33.3 bilion telah dikeluarkan. Pinjaman terkumpul yang diberikan kepada PKS meningkat sebanyak RM140 juta pada bulan Mei. Secara keseluruhan, peningkatan terkumpul dalam pinjaman kepada sektor ini adalah besar pada lima bulan pertama tahun 2003, meningkat sebanyak sepuluh kali ganda kepada RM2.7 bilion berbanding dengan hanya RM268 juta pada tempoh yang sama tahun 2002. Pada asas tahunan, pinjaman kepada PKS meningkat pada kadar tahunan yang lebih tinggi sebanyak 3.2% pada akhir bulan Mei (2.5% pada akhir bulan April) dan mencakup sebanyak 17.8% daripada jumlah pinjaman terkumpul dan 36.1% daripada pinjaman terkumpul perusahaan perniagaan (masing-masing sebanyak 17.4% dan 34.1% pada akhir tahun 2002).

**Pinjaman kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana**




*Pinjaman kepada PKS terus meningkat*

Pembiayaan kasar sektor swasta oleh institusi perbankan serta dana yang diperoleh daripada pasaran modal adalah lebih tinggi pada bulan Mei sebanyak RM37.7 bilion (RM36.8 bilion pada bulan April), terutamanya disebabkan dana yang diperolehi daripada pasaran bon swasta yang lebih tinggi dan pengeluaran pinjaman oleh system perbankan yang kekal tinggi.




*Dana yang lebih tinggi diperolehi daripada pasaran bon*

## *Dana bersih yang lebih tinggi diperolehi dari pasaran modal*

Pada kadar kasar, jumlah dana yang diperolehi oleh sektor swasta meningkat pada bulan ini. Walau bagaimanapun, disebabkan penebusan sekuriti hutang swasta yang tinggi, sektor swasta mencatatkan penebusan bersih berjumlah RM87 juta. Oleh itu, dana bersih yang lebih tinggi pada bulan Mei berjumlah RM1.9 bilion adalah disebabkan terutamanya oleh terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia.




1/ Dana bersih yang diperoleh dari pasaran modal oleh sektor swasta (termasuk bon Cagamas dan Danaharta)

*Dana yang lebih tinggi diperolehi pada bulan Mei disebabkan terbitan SKM.*

Pada bulan Mei, urusniaga di **Bursa Saham Kuala Lumpur** (BSKL) meningkat berikutan beberapa perkembangan yang memberangsangkan, diantaranya laporan positif oleh World Health Organisation berhubung pembendungan wabak SARS dan pengumuman pakej ekonomi langkah awalan ke arah pertumbuhan Kerajaan. Pada 30 Mei, Indeks Komposit BSKL (IK BSKL) ditutup pada 671.46 mata (+6.5% sejak akhir bulan April) dengan modal pasaran meningkat kepada RM509.08 bilion (+6.9% sejak akhir bulan April). Purata urusniaga harian berjumlah 222.26 juta unit (152.8 juta unit pada bulan April).




*Prestasi KLSE CI memberangsangkan pada bulan Mei dan Jun*

IK BSKL terus menunjukkan arah aliran yang meningkat pada tiga minggu pertama bulan Jun. Sentimen pasaran terus pulih dengan tindakbalas positif ke atas langkah-langkah ekonomi yang diperkenalkan oleh Kerajaan dan sejajar dengan pemulihan prestasi pasaran global dan serantau.Tambahan lagi, perlaksanaan lot dagangan seragam 100 unit juga meningkatkan minat terhadap BSKL. Pada 26 Jun, IK BSKL ditutup pada 682.72 mata (+1.7% sejak akhir bulan Mei) dengan modal pasaran sebanyak RM522.64 bilion (+2.7% sejak akhir bulan Mei). Purata urusniaga harian dalam tempoh tersebut juga meningkat kepada 471.03 juta units.

## *Rizab antarabangsa*

Rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia meningkat pada bulan Mei kepada RM138.5 bilion atau AS$36.5 bilion pada 31 Mei 2003, disokong oleh pembawaan pulang perolehan eksport yang lebih tinggi. Rizab meningkat lagi kepada RM139.7 bilion atau AS$36.8 bilion pada 13 Jun 2003. Kenaikan sebanyak RM1.2 bilion atau AS$0.3 bilion pada separuh pertama bulan Jun adalah disebabkan terutamanya oleh pembawaan pulang perolehan eksport yang berkekalan dan aliran masuk dana asing serta pelaburan langsung asing. Aliran keluar mencerminkan

terutamanya pembayaran terhadap import barangan dan perkhidmatan, penghantaran pulang dividen dan pembayaran balik pinjaman luar negara. Paras rizab adalah mencukupi untuk membiayai 5.7 bulan import tertangguh dan adalah 4.6 kali hutang luar negara jangka pendek.




## *Kekukuhan sistem perbankan dikekalkan*

Sistem perbankan kekal kukuh dengan nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) berada pada tahap 13.2% pada akhir bulan Mei 2003. Nisbah NPL bersih (klasifikasi 6-bulan) terus kekal pada tahap 7% pada akhir bulan Mei 2003.

**Kedudukan Kewangan Sistem Perbankan***

| | 1998 | 1999 | 2000 | 2001 | 2002 | 2003 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Dis. | Dis. | Dis. | Dis. | Dis. | Mac | Apr. | Mei |
| **Modal (%)** | | | | | | | | |
| Nisbah modal teras | 8.7 | 10.1 | 10.7 | 11.1 | 11.1 | 10.9 | 11.1 | 10.7 |
| RWCR | 11.8 | 12.5 | 12.5 | 13.0 | 13.2 | 13.1 | 13.2 | 13.2 |
| **NPL bersih (klasifikasi 6-bulan)** | | | | | | | | |
| % jumlah pinjaman bersih | 8.1 | 6.4 | 6.3 | 8.1 | 7.5 | 7.0 | 7.0 | 7.0 |
| Jumlah (RM juta) | 31,675 | 23,849 | 24,700 | 32,775 | 31,703 | 30,037 | 30,054 | 30,201 |
| **Peruntukan am/Jumlah Pinjaman bersih (6 bulan, %)** | 2.0 | 1.9 | 1.9 | 1.9 | 1.8 | 1.8 | 1.8 | 1.8 |

** Mulai Jun 1999, jadual ini mengambil kira institusi perbankan Islam*

**Sistem Perbankan: NPL Bersih dan Peruntukan Am**




*.... Nisbah NPL bersih kekal pada tahap 7%*

**Petunjuk Kedudukan Modal**




*....RWCR kekal kukuh pada tahap 13.2%*

**Bank Negara Malaysia**
**27 Jun 2003**

## Perangkaan Utama Kewangan dan Perbankan

| | April 2003 | | Mei 2003 | |
|---|---|---|---|---|
| | Baki (RM billion) | Pertumbuhan tahunan (%) | Baki (RM billion) | Pertumbuhan tahunan (%) |
| **Agregat Monetari** | | | | |
| Wang rizab | 42.8 | 4.8 | 43.1 | 5.0 |
| M1 | 87.5 | 6.4 | 88.2 | 9.3 |
| M2 | 394.2 | 6.0 | 401.2 | 8.0 |
| M3 | 516.1 | 6.7 | 522.2 | 7.8 |
| **Sistem Perbankan** | | | | |
| Jumlah deposit | 517.8 | 5.6 | 523.2 | 7.0 |
| Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta) | 492.9 | 3.3 | 495.1 | 2.8 |
| Jumlah pinjaman (tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta) | 431.3 | 4.1 | 433.9 | 3.6 |
| Nisbah pinjaman-deposit (%) | 83.3 | | 82.9 | |
| Nisbah pinjaman-deposit termasuk hutang sekuriti swasta (%) | 93.7 | | 93.2 | |
| Pinjaman yang diluluskan pada bulan berkenaan | 13.0 | 35.4 | 11.2 | -26.1 |
| Pengeluaran pinjaman pada bulan berkenaan | 35.0 | 3.8 | 31.8 | -12.5 |
| Pinjaman yang dibayar pada bulan berkenaan | 34.6 | 0.7 | 30.7 | -6.9 |
| **Keadaan Sistem Perbankan** | | | | |
| Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) (%) | 13.2 | | 13.2 | |
| NPL bersih: Klasifikasi 6-bulan (%) | 7.0 | | 7.0 | |
| **Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)** | | | | |
| Rizab dalam RM (bilion) | 134.9 | | 138.5 | |
| Rizab dalam Dolar AS (bilion) | 35.5 | | 36.4 | |
| Bilangan bulan import tertangguh | 5.5 | | 5.7 | |
| **Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]** | | | | |
| Antara bank: 1-bulan | 2.99[2.98] | | 2.99[2.99] | |
| 3-bulan | 2.86[2.86] | | 2.86[2.86] | |
| Deposit tetap bank perdagangan: 1-bulan | 3.20[3.20] | | 3.00[3.00] | |
| 3-bulan | 3.20[3.20] | | 3.00[3.00] | |
| BLR bank perdagangan | 6.39[6.39] | | 6.00[6.00] | |
| **Harga** | | | | |
| Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100) | 104.2 | 1.0 | 104.3 | 1.0 |
| Indeks Harga Pengeluar (IHPR) 1989=100) | 134.8 | 5.4 | | |
| **Kadar Pertukaran Ringgit berbanding mata wang terpilih (akhir tempoh)** | | | | |
| Euro | 4.2231 | | 4.5117 | |
| Paun Sterling | 6.0627 | | 6.2761 | |
| Dolar Singapura | 2.1421 | | 2.1956 | |
| 100 Yen Jepun | 3.1807 | | 3.2115 | |
| 100 Baht Thai | 8.8692 | | 9.0996 | |
| 100 Peso Filipina | 7.2264 | | 7.1382 | |
| 100 Rupiah Indonesia | 0.0438 | | 0.0457 | |
| 100 Won Korea | 0.3130 | | 0.3153 | |
| **Pasaran Modal** | | | | |
| Dana bersih yang diperoleh: | | | | |
| sektor awam (RM bilion) | ... | | 2.0 | |
| sektor swasta (RM bilion) | 0.35 | | 0.09 | |
| Nilai pasaran BSKL (RM b) (akhir tempoh) | 630.37 | | 671.46 | |
| Nilai pasaran BSKL (RM b) (akhir tempoh) | 476.35 | | 509.08 | |